

**Video Buktikan Sepetang Bersama Perdana Menteri Berjalan Lancar
Bernama
15 Mei, 2012
Daripada Nor Faridah Abd Rashid**

LONDON, 15 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata perbuatan dua tiga orang cuba berbuat bising semasa majlis pertemuan beliau dengan rakyat Malaysia di sini tidak mencemarkan majlis tersebut.

"Ia tidak mengganggu saya dan suasana dapat dikawal selepas dua tiga minit. Kita akan menayangkan (rakaman) video mengenai majlis tersebut secara keseluruhan," katanya kepada wartawan Malaysia di sini Selasa.

Beliau berkata tindakan untuk menayangkan rakaman video itu diambil kerana kemungkinan ada pihak yang akan cuba memberi persepsi yang berbeza mengenai perkara itu.

"Jadi kita terpaksa membetulkan, hakikat apa yang telah berlaku dan ramai yang hadir semalam termasuk Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke United Kingdom, Datuk Seri Zakaria Sulong," katanya.

Adalah difahamkan rakaman video itu akan dimuatnaik ke dalam blog 1Malaysia.

Semasa sesi "Sepetang Bersama Perdana Menteri" yang dihadiri 1,500 orang pada Isnin, dua tiga orang muncul pada majlis tersebut dan berbuat bising.

Najib berkata sejumlah besar tetamu pada majlis itu begitu mesra dengan beliau, mereka bersalaman dengannya sambil memberi kata-kata perangsang serta ramai yang meminta bergambar bersamanya.

"Ini menunjukkan bahawa perbuatan yang dilakukan oleh dua tiga orang semalam itu tidak mencemar majlis tersebut, ia telahpun diduga. Akibat limpahan daripada demonstrasi Bersih 3.0 baru-baru ini, sudah tentu mereka akan mengambil kesempatan eksloit kehadiran saya bagi kepentingan mereka sendiri," katanya.

Beliau berkata sebahagian besar rakyat Malaysia cintakan keamanan dan tidak suka kepada kekacauan. Mereka menghormati prinsip keluhuran undang-undang.

"Ini dapat dilihat apabila saya berbual dengan mereka yang hadir, bukan sahaja apa yang mereka luahkan begitu positif, tetapi juga telah menerpa ke hadapan untuk bergambar dengan saya," katanya.

Tetapi seperti biasa, katanya, ada segelintir yang kecil yang cuba "hijack" untuk tujuan tertentu.

"Ini adalah kes di mana sekumpulan minoriti kecil cuba dominate keadaan dan suasana. Sebab itu sebagai kumpulan majoriti kita tidak boleh membenarkan perkara ini dan kita tidak akan rasa tertekan dalam perkara ini," beliau menambah kata.

Najib dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor tiba pada Isnin untuk lawatan kerja dua hari ke United Kingdom. Perdana Menteri menerima jemputan Putera Wales, Putera Charles, untuk menghadiri majlis resepsi sempena penganugerahan Carter Diraja kepada Pusat Pengajian Islam Oxford pada.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=666417>